

02 NOV 1997

Ting-Elaun

KEKELIRUAN ELAUN SEBERANG LAUT ANGGOTA BOMBA AKAN DISELESAIKAN

MELAKA, 2 Nov (Bernama) -- Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata "kekeliruan" mengenai elaun seberang laut bagi anggota bomba dan penyelamat yang menyertai operasi memadam kebakaran di Indonesia akan diselesaikan tidak lama lagi.

" Ada sedikit salah faham mengenai (elaun) itu dan ia akan diselesaikan tidak lama lagi, " katanya pada sidang berita selepas merasmikan perayaan ke-20 Persatuan Budhha Melaka di Sekolah Menengah Pay Fong di sini malam tadi.

Ting berkata beliau akan mengadakan perbincangan dengan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Datuk Soh Chai Hock dalam masa beberapa hari ini.

Satu penjelasan akan dibuat untuk memastikan kedudukan sebenar sebaik perbincangan selesai diadakan.

Beliau demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat Rabu lepas bahawa setiap anggota bomba hanya akan menerima elaun khas RM2,000 tanpa melibatkan elaun-elaun lain.

Ting juga berkata ada sesetengah kerajaan negeri didapati tidak begitu aktif dalam Kempen Menanam Pokok dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 3 Mac lepas.

"Tidak perlu saya sebut nama (kerajaan negeri terbabit) namun saya berharap semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan mengambil langkah mengatasi perkara itu," katanya.

Menurut Ting Perdana Menteri mengambil berat tentang kempen itu sebagai satu langkah positif untuk memperindah dan menjadikan Malaysia sebagai negara dalam taman menjelang tahun 2005.

Katanya Jabatan Lanskap akan meminta laporan dua kali dalam setahun daripada semua kerajaan negeri untuk mengetahui jumlah pokok yang ditanam dan mengenalpasti sebarang masalah yang dihadapi.

Kementerian bercadang menanam tiga juta pokok menjelang tahun 2000 berdasarkan pengiraan 15 peratus daripada penduduk negara terbabit dalam kempen itu, kata Ting. -- BERNAMA

NO RON